

MIC gantung Setiausaha Pemuda pusat 12 bulan
The Malaysian Insider
Ogos 16, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 16 Ogos — MIC menggantung Setiausaha Pemuda pusatnya C Sivarraajh selama 12 bulan kerana mempersoalkan tindakan pucuk kepimpinan baru menerima kembali pemimpin-pemimpin kanan parti termasuk bekas timbalan ketua Pemuda yang telah dipecat, April lalu.

Perkara itu diputuskan semalam dan telah dimaklumkan kepada Sivarraajh, kata Pengerusi Jawatankuasa Disiplin MIC Tan Sri K.S Nijhar dalam satu kenyataan hari ini.

"Kami bersidang semalam dan memutuskan untuk menggantung Sivarraajh selama 12 bulan. Bagaimanapun beliau boleh merayu hukuman yang dikenalan dalam tempoh 14 hari," kata Nijhar.

Sivarraajh membuat aduan di pejabat Pendaftar Pertubuhan ekoran keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC menerima balik tiga pemimpin kanan yang telah dipecat iaitu V Mugilan, KP Samy dan G Kumar Amaan empat bulan lalu.

Mugilan dikembalikan jawatan timbalan ketua Pemuda MIC. Begitu juga Samy dan Kumar Amaan yang merupakan anggota CWC ketika dipecat.

Selain membuat aduan kepada Pendaftar Pertubuhan Sivarraajh mempertikaikan motif Mugilan mahu bertanding jawatan ketua Pemuda MIC yang kini disandang oleh T Mohan.

Mugilan, Samy dan Kumar Amaan merupakan tiga pihak penting menggerakkan kempen Gerakan Anti Samy Vellu (GAS).

Selepas Samy Vellu berundur pada Disember, tempat beliau diganti oleh Datuk G Palanivel.

Dalam kenyataannya, Nijhar berkata, dakwaan Sivarraajh bahawa CWC telah bertindak bertentangan dengan perlembagaan MIC apabila memutuskan untuk membawa masuk semula ahli-ahli yang dipecat merupakan tuduhan yang serius.

"Di bawah Akta Pertubuhan, dakwaan ini, jika dibukti benar, membawa kesan sangat buruk. Dan, beliau memanggil sidang media untuk membuat dakwaannya yang tidak dapat disokong," kata Nijhar.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mic-gantung-setiausaha-pemuda-pusat-12-bulan/>